

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/10 - 75

### **PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN ANGGARAN CUKAI SECARA AUTOMATIK BAGI INDUSTRI TERPILIH DI BAWAH PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA)**

1. Kerajaan Malaysia telah mengumumkan lima (5) fokus utama program pemulihan dan pemeriksaan ekonomi sepanjang tahun 2021 iaitu mengawal penularan COVID-19, memacu pemulihan ekonomi, memperkukuh daya saing negara, melaksanakan agenda keterangkuman wilayah dan masyarakat dan mentransformasi ekonomi.

2. Bagi merangsang semula sektor pelancongan dan peruncitan, Kerajaan antaranya telah memperkenalkan inisiatif yang membenarkan penangguhan pembayaran Anggaran Cukai Kena Dibayar (CP204) dan Skim Ansuran (CP500) secara automatik bagi tempoh 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021 kepada pembayar cukai yang menjalankan aktiviti pelancongan seperti ejen pelancongan, pengendali hotel dan syarikat penerbangan serta industri terpilih seperti panggung wayang dan spa.

3. Senarai kod *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) aktiviti perniagaan yang layak mendapat penangguhan bayaran ini adalah seperti di Lampiran 1.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 1 daripada 4

4. Satu pemberitahuan melalui e-mel rasmi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menggunakan domain e-mel @hasil.gov.my akan dikeluarkan kepada pembayar cukai yang layak berdasarkan maklumat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) terkini yang diterima oleh LHDNM.
5. Pembayar cukai yang menjalankan aktiviti perniagaan berdasarkan kepada kod MSIC tersebut tetapi tidak menerima pemberitahuan boleh membuat rayuan melalui e-mel [cp204pemerksa@hasil.gov.my](mailto:cp204pemerksa@hasil.gov.my) atau [cp500pemerksa@hasil.gov.my](mailto:cp500pemerksa@hasil.gov.my).
6. Bagi memberikan pemahaman yang jelas, LHDNM telah menyediakan Soalan Lazim (Frequently Asked Questions - FAQ) berkaitan Penangguhan Bayaran Anggaran Cukai Kena Dibayar (CP204) dan Skim Ansuran (CP500) mulai 1 April 2021 hingga 31 Disember 2021 di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:
- Versi Bahasa Malaysia -  
[http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/SOALAN\\_LAZIM\\_PEMERKASA\\_1.pdf](http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/SOALAN_LAZIM_PEMERKASA_1.pdf)
- Versi Bahasa Inggeris -  
[http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/SOALAN\\_LAZIM\\_PEMERKASA\\_2.pdf](http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/SOALAN_LAZIM_PEMERKASA_2.pdf)
7. Sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai perkara ini boleh diajukan kepada LHDNM melalui Hasil Recovery Call Centre di talian 03-8751 1000.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 4

**Dikeluarkan Oleh:**  
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 10 Jun 2021**



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 4

## LAMPIRAN 1

## Senarai Kod MSIC

No	Kod Perniagaan	Aktiviti
1	51101	Pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa
2	51102	Pengangkutan penumpang tidak berjadual
3	51103	Penyewaan peralatan pengangkutan dengan operator untuk tujuan pengangkutan penumpang
4	55101	Hotel dan hotel resort
5	55102	Motel
6	55103	Hotel Apartment
7	55104	Chalet
8	55105	Rumah rehat/rumah tetamu
9	55106	<i>Bed and breakfast unit</i>
10	55107	Asrama
11	55108	<i>Homestay</i>
12	55109	Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain
13	55200	Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler
14	55900	Penginapan lain
15	50111	Operasi rombongan, <i>cruise</i> atau bot persiaran
16	50112	Operasi feri, teksi air
17	50113	Sewaan bot santai dengan krew bagi pengangkutan laut dan pesisir pantai
18	79110	Aktiviti agensi pengembaraan
19	79120	Aktiviti operator pelancongan
20	79900	Khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan
21	59140	Aktiviti penayangan wayang gambar
22	96091	Aktiviti sauna, mandian stim, salon mengurus